

**BAHAGIAN B**

( 30 markah)

**Soalan 21.**

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberikan.

pertama	buah	pada	berapa
pelbagai	semua	patah	utas

Pada 5 Mac 2015, suatu mesyuarat Ahli Jawatankuasa Persatuan Belia telah diadakan di Balai Raya Kampung Delima. Mesyuarat itu bermula pada pukul 3.00 petang. \_\_\_\_\_ ahli jawatankuasa persatuan hadir pada petang itu. \_\_\_\_\_ perkara dibincangkan dalam mesyuarat ini. Perkara \_\_\_\_\_ yang dibincangkan ialah yuran persatuan. Semua ahli jawatankuasa persatuan bersetuju untuk menetapkan bayaran sebanyak RM10 seorang. Yuran ini akan dibayar \_\_\_\_\_ setiap bulan oleh semua ahli persatuan.

( 4

*markah)*

**Soalan 22.**

- a) Tuliskan ayat tanya yang paling sesuai bagi jawapan yang diberikan.

---



---

?

Kesan negatif aktiviti pembalakan haram kepada alam sekitar ialah berlakunya hakisan tanah.

(2 markah)

(Lihat halaman  
sebelah)

- b) Tuliskan jawapan yang sesuai dengan soalan yang diberikan.

Bilakah kamu mulai menghias rumah berkonsepkan kedesaan Inggeris?


---



---

( 2 markah)

- c) Soalan berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Nyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan gambar di atas.

---



---

( 2  
markah)

### **Soalan 23**

(Lihat halaman  
sebelah)

Baca petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan.

Penduduk Kampung Serai bersepakat untuk menjadikan Si Babau sebagai umpan untuk menangkap seekor harimau yang sering berkeliaran di kampung mereka. Si Babau terpilih sebab susuk tubuhnya yang pejal dan sihat. Si Babau berasa sedih tetapi tidak dapat berbuat apa-apa. Hatinya tidak rela untuk menjadi umpan harimau itu. Tiba masanya, Si Babau dibawa ke tengah hutan. Dia *ditambat* pada sebatang pokok. Orang kampung pula bersembunyi di atas ran.

Apabila harimau tiba, Si Babau berpura-pura mati. Harimau tidak berselera apabila melihat Babau sudah mati. Ketika harimau membelakangi Si Babau, Si Babau dengan secepat kilat menanduk perut harimau. Si Babau bertekad untuk menghapuskan harimau itu. Disebabkan harimau itulah, dirinya menjadi taruhan. Tanduknya yang tajam telah menyebabkan perut harimau cedera teruk. Harimau berguling-guling kesakitan. Akhirnya, harimau itu mati.

- a) Apakah maksud *ditambat*?

---

( 1 markah)

- b) Mengapakah Si Babau dijadikan umpan untuk menangkap harimau itu?

---

---

( 2 markah)

- c) Padankan pernyataan di bawah ini berdasarkan petikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.

Penduduk kampung membina ran.

Si Babau dibiarkan di bawah sebatang pokok untuk menarik perhatian harimau itu.

Harimau itu mati setelah ditanduk oleh Si Babau.

Hilang selera harimau melihat Si Babau yang berpura-pura mati itu.

Ya

Tidak

(2 markah)

**Soalan 24.**

Baca dialog di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

- Atikah : Ibu bapa kamu memberikan kebenaran kepada kamu untuk menyertai klinik Ujian Pencapaian Sekolah Rendah minggu hadapan, Asilah?
- Asilah : Ya, ibu bapa saya membenarkan saya menyertai klinik tersebut. Walau bagaimanapun, ibu bapa Mimi masih belum memberikan kebenaran kepadanya.
- Atikah : Benarkah seperti yang diperkatakan oleh Asilah itu, Mimi?
- Mimi : Benar kata-kata Asilah itu. Ibu bapa saya mahu saya membantu mereka di kebun pada hari tersebut.
- Asilah : Ha! Saya ada cadangan untuk membantu Mimi mengatasi masalahnya.
- Mimi : Bagaimana?
- Asilah : Saya cadangkan agar kita berjumpa dengan ibu bapa Mimi.
- Atikah : Saya setuju. Kita boleh menjelaskan tentang *kepentingan* klinik ini kepada ibu bapa Mimi.
- Mimi : Bagus juga cadangan kamu itu. Cuma, mahukah ibu bapa saya menerima penjelasan kamu?
- Asilah : Kita mesti berusaha. Kalau berjaya, syukurlah. Tetapi jika tidak, kita usahalah cara lain.
- Mimi : Kalau begitu, saya setuju. Bila kamu hendak berjumpa dengan ibu bapa saya?
- Atikah : Lagi cepat, lagi baik.
- Mimi : Saya cadangkan pada petang ini juga.
- Asilah dan Atikah : Saya setuju dengan cadangan itu.
- Mimi : Terima kasih kerana sudi membantu saya.

- a) Perkataan *kepentingan* dalam dialog di atas boleh juga digantikan dengan perkataan

---

(1 markah)

- b) Mengapakah ibu bapa Mimi masih belum membenarkan anaknya menyertai klinik Ujian Pencapaian Sekolah Rendah?

---

---

(2 markah)

- c) Apakah tujuan Asilah dan Atikah hendak berjumpa dengan ibu dan bapa Mimi?

---

---

( 2 markah)

- d) Pada pendapat kamu, apakah kebaikan menyertai program Klinik Ujian Pencapaian Sekolah Rendah?

---

---

---

( 3 markah)

**Soalan 25**

*Baca puisi di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Syukur aku dilahirkan di sini,  
 Suasana nyaman indah sekali,  
 Perutmu sarat dengan hasil bumi,  
 Yang pastinya mampu meningkatkan ekonomi.

Syukur aku dibesarkan di sini,  
 Hidup bersama fauna berwarna-warni,  
 Yang jarang-jarang kita temui,  
 Yang kadang-kadang menimbulkan misteri.

Syukur aku miliki pertiwi ini,  
 Yang membiarkan flora yang amat bererti,  
 Selain menjadi sumber rezeki,  
 Pelbagai penyakit dapat kuubati.

Akan kupertahankan khazanah ini,  
 Akan kucantas tangan-tangan liar,  
 Yang berhasrat menguburkan hayatmu,  
 Kerana kau amat kuhargai,  
 Jasamu nan luhur lagi abadi.

- a) Mengapakah penyajak gembira berada di bumi ini?

---



---

( 2 markah)

- b) Mengapakah penulis bersyukur dengan flora yang terdapat di tanah airnya?

---



---

(1 markah)

- c) Tandakan ( / ) bagi pernyataan yang betul dan ( X ) bagi pernyataan yang salah berdasarkan sajak di atas.

Tanah dipenuhi sumber yang amat berharga.	
Menjadi tempat mengubati penyakit.	

( 1 markah)

**Akan kupertahankan khazanah ini,  
Akan kucantas tangan-tangan liar,  
Yang berhasrat menguburkan hayatmu,**

- d) Terangkan maksud baris-baris sajak di atas.

---



---



---

( 3 markah)